

2 JAM SEHARI SANGKUT DALAM TRAFIK

Seseorang individu kehilangan produktiviti dianggarkan bernilai RM750 sebulan

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Tanpa disedari lebih 580 jam setahun terpaksa dihabiskan pengguna jalan raya di dalam kesesakan trafik dan lalu lintas di Lembah Klang;

Ia membabitkan kos besar terpaksa ditanggung sekitar RM9,000 setahun untuk penyelenggaraan serta pebelian bahan bakar kenderaan.

Kenderaan yang tersekat dalam kesesakan lalu lintas menggunakan purata 2.6 liter petrol dalam tempoh 60 minit sekali gus, pengguna

jalan raya perlu membelanjakan RM11.99 sehari hanya untuk bahan bakar kenderaan.

Berdasarkan data semasa, Malaysia menduduki tangga kedua dalam pemilikan kenderaan di Asia dengan nisbah 535 unit bagi setiap 1,000 orang. Mendahakan perkara itu, Pensyarah Kanan (Kejuruteraan Pengangkutan) Jabatan Kejuruteraan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Ahmad Nazrul Hakimi Ibrahim menyatakan bahawa isu kesesakan itu bukan saja membabitkan kos tetapi turut mengheret isu alam sekitar, tekanan emosi dan ketidakseimbangan kehidupan seseorang.

Beliau berkata, berdasar-

kan laporan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyatakan bahawa purata masa yang dihabiskan pengguna jalan raya di Lembah Klang dalam kesesakan trafik adalah 135 minit atau dua jam 15 minit sehari.

"Ini bermakna seorang individu kehilangan produktiviti yang dianggarkan bernilai RM750 sebulan, berdasarkan gaji RM3,000 dan itu komitmen bulanan yang diperlukan oleh pengguna jalan raya.

"Kenderaan tersekat kesesakan menggunakan purata 2.6 liter petrol sejam dengan harga RON95 pada RM2.05 seliter, pengguna jalan raya membelanjakan RM11.99 sehari hanya untuk petrol akibat kesesakan.

"Masalah ini turut mengheret pelbagai isu lain seperti pencemaran udara, tekanan emosi, serta ketidakseimbangan kehidupan kerja, justeru, penyelesaian jangka panjang yang holistik dan membabitkan semua pihak amat diperlukan.

"Mendepani permasalahan berkenaan, Ahmad Nazrul mencadangkan supaya kerajaan memperkemaskan sistem pengangkutan awam serta meningkatkan mobiliti sekali gus pengguna mempunyai pilihan pengangkutan," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya waktu kerja anjal dan amalan kerja daripada rumah diperluas.

"Kajian Biro Ekonomi Kebangsaan mendapati pekerja boleh menjimatkan sehingga 69 minit masa perjalanan jika bekerja daripada rumah serta meningkatkan produktiviti mereka.

"Cadangan menghapuskan kenderaan berusia lebih 15 tahun disifatkan sebagai tidak relevan kerana ia boleh menjelaskan golongan B40 dan M40 yang tidak mampu membeli kenderaan baharu serta masih bergantung kepada kenderaan lama untuk mobiliti harian.

"Sebaliknya, insentif seperti pemeriksaan teknikal berkala, subsidi untuk kenderaan elektrik dan sistem

cukai berasaskan pelepasan karbon lebih sesuai diperkenalkan sebagai langkah pengurangan kesesakan dan pencemaran," katanya.

Menurutnya, kesesakan trafik di Lembah Klang bukan hanya isu teknikal tetapi memerlukan pendekatan menyeluruh yang membabitkan perancangan bandar, dasar pengangkutan, insentif ekonomi serta perubahan budaya mobiliti masyarakat.



Kajian Biro Ekonomi Kebangsaan mendapati pekerja boleh menjimatkan sehingga 69 minit masa perjalanan jika bekerja daripada rumah serta meningkatkan produktiviti mereka"

Dr Ahmad Nazrul



MALAYSIA menduduki tangga kedua dalam pemilikan kenderaan di Asia dengan nisbah 535 unit bagi setiap 1,000 orang.

KOS YANG DITANGGUNG AKIBAT TERPERANGKAP DALAM KESEKAPAN

580 jam setahun dengan kos ditanggung sekitar **RM9,000** untuk kos penyelenggaraan serta bahan bakar akibat terperangkap dalam kesesakan



Kenderaan yang tersekat dalam lalu lintas menggunakan purata petrol **2.6 liter** untuk 60 minit



Pengguna perlu memperuntukkan **RM11.99 sehari** untuk bahan bakar kenderaan bagi kereta biasa



Pemilikan kenderaan di negara ini adalah **kedua tertinggi di Asia**



Jumlah masa yang diperuntukkan akibat kesesakan adalah **135 minit**

Penyelenggaraan besar (major) yang sepatutnya berlaku setiap 40,000 kilometer perlu diawalkan akibat kenderaan bekerja keras dengan situasi enjin hidup dan berhenti



INFOGRAFIK Metro